



KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN

## SIARAN MEDIA

### PENJELASAN LAPORAN SPRM MYKIOSK: KPKT PERKUKUH TATAKELOLA PBT DAN PERLUAS INISIATIF MELALUI MYKIOSK@KAMPUS

---

**PUTRAJAYA, 11 FEBRUARI 2026** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyambut baik **laporan dan syor penambahbaikan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung pelaksanaan inisiatif MyKiosk**. Hasil siasatan SPRM mengesahkan bahawa tiada sebarang elemen jenayah, rasuah, atau salah guna kuasa dikesan dalam pelaksanaan projek ini. KPKT mendukung syor SPRM untuk memantapkan tatakelola, khususnya dalam aspek kajian keperluan dan pemantauan bagi memastikan keberkesanan projek jangka panjang.

Sukacita KPKT ingin menjelaskan bahawa walaupun dasar dan peruntukan disalurkan di peringkat Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertindak sebagai agensi pelaksana utama. PBT bertanggungjawab sepenuhnya dalam menentukan lokasi yang strategik, melantik peniaga yang layak, serta menyelenggara fasiliti MyKiosk. Laporan SPRM telah mengenal pasti kelemahan di peringkat ini, khususnya ketiadaan mekanisme pemantauan yang seragam yang menjejaskan penilaian impak projek.

Susulan itu, KPKT telah mewajibkan PBT melaksanakan kajian menyeluruh sebelum pemasangan kiosk untuk memastikan lokasi mempunyai permintaan pasaran yang tinggi. Sekaligus dapat menjamin kelangsungan perniagaan melalui garis panduan Baharu yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).

Selanjutnya prestasi PBT akan dinilai melalui sistem 'Lampu Isyarat'. PBT yang gagal mencapai KPI pengisian dan pengoperasian (status Merah) berdepan tindakan pembatalan peruntukan, manakala PBT cemerlang (status Hijau) akan menerima insentif tambahan. Pemantauan ini dilaksanakan oleh JKT dan pelaporan perlu dikemukakan kepada KPKT setiap suku tahunan.

Selain itu, PBT turut disaran untuk memindahkan unit kiosk yang kurang sambutan ke lokasi yang lebih tumpuan orang ramai bagi mengoptimumkan penggunaan aset. Sebagai langkah proaktif menangani isu kesesuaian lokasi, KPKT juga telah memperluaskan inisiatif ini ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melalui inisiatif Mykiosk@Kampus sebagai menyokong agenda keusahawanan siswa atau belia di kampus.

KPKT ingin memaklumkan bahawa **dakwaan projek ini sebagai 'gajah putih' adalah tidak tepat**. Sehingga Julai 2025, semakan KPKT dengan semua PBT yang terlibat mendapati bahawa **kadar pengisian MyKiosk 1.0 telah mencapai 91.75%**, manakala **MyKiosk 2.0 pula mencapai 86.78%**. Inisiatif ini juga telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan lebih 7,000 keluarga penjaja kecil di seluruh negara dengan rekod kejayaan peniaga yang meraih pendapatan sehingga RM30,000 sebulan.

KPKT komited memastikan setiap sen dana awam dibelanjakan secara berintegriti dan memberi impak optimum kepada ekonomi rakyat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

#MalaysiaMADANI  
#Kesejahteraan  
#StrongerTogether  
#DemiPertwi  
#UnityInDiversity  
#RancarkanMADANI

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

**UKK**  
K P K T